

## Kewangan Islam Untuk Semua

Sebuah paradoks tentang produk kewangan Islam ataupun transaksi patuh Syariah yang bermain di minda masyarakat adalah ianya suatu yang khas atau eksklusif bagi orang-orang Islam sahaja. Ini tidak benar kerana Islam itu sendirinya bersifat universal dan perlaksanaannya membawa kebaikan kepada semua golongan. Jika kita kembali semula kepada praktis yang diamalkan pada zaman baginda Rasulullah sallahu alaihi wasallam, baginda sendiri juga pun sendiri bertransaksi bersama dengan orang Yahudi, bahkan baginda juga membenarkan kerjasama perniagaan jika tatakelolanya dibawah tangan orang Muslim iaitu diuruskan dengan cara yang patuh Syariah. Bahkan di bawah ketamadunan Islam sendiri, seluruh warganya dikalangan Muslim dengan yang lain bersama-sama berpatisipasi di dalam aktiviti perniagaan dan transaksi kewangan dengan peraturan yang sama. Namun disana terdapat beberapa jenis transaksi yang dilarang bagi golongan Muslim untuk terlibat dengan dengannya seperti jual beli arak tetapi dibenarkan kepada warganegara bukan Islam sesama mereka.

Seperti yang disebut sebentar tadi undang-undang Syariah dari segenap aspek terutamanya dalam urusan kewangan dan pentadbiran telah banyak memberi pengaruh terhadap pembinaan undang-undang Eropah. Ini dibuktikan oleh para pengkaji seperti John Makdisi yang telah membuktikan pengaruh ini di dalam karya-karya beliau seperti *The Islamic Origins of the Common Law* dan *Islamic Property Law: Cases and Materials for Comparative Analysis with the Common Law*. Bahkan Putera Charles dari Wales juga dalam ucapannya pada tahun 1993 bertajuk Islam and The West (Islam dan Barat), menyebut '*Islam has been a part of Europe for so long, first in Spain, then in the Balkans, and the extent to which it has contributed so much towards the civilisation which we all too often think of, wrongly, as entirely Western. Islam is part of our past and our present, in all fields of human endeavour. It has helped to create modern Europe. It is part of our own inheritance, not a thing apart*' . (Islam telah menjadi sebahagian daripada Eropah sejak tempoh yang lama, permulaannya di Sepanyol, kemudian di Balkan hingga keluasaan pengaruh Islam ini telah memberikan sumbangan besar terhadap pembinaan tamadun Eropah yang sering kita salah ertikan sebagai semata-mata berteraskan barat. Islam telah menjadi sebahagian daripada masa lampau dan realiti semasa Eropah dalam segenap urusan kehidupan manusia. Islam telah membantu pembentukan Eropah moden, ia adalah sebahagian daripada kita dan bukannya sesuatu yang terpisah dari Eropah).

Berbalik kepada perkembangan kewangan Islam di beberapa negara bukan muslim, ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan . Ini dapat dilihat daripada penglibatan beberapa negara Asia seperti Singapura, Hong Kong, Jepun serta negara Eropah seperti United Kingdom, Jerman dan lain-lain. Singapura sebagai negara jiran juga semakin giat dalam membangunkan kemudahan dan terlibat aktif dalam industri kewangan Islam. Ia juga merupakan satu-satunya negara bukan majoriti Muslim yang tersenarai dalam kelompok 15 negara utama yang terlibat dalam dalam industri ini

menurut Monetary Authority of Singapore (MAS). Bahkan, di Singapura juga terdapat lebih kurang 15 buah bank yang terlibat dalam khidmat kewangan Islam yang memegang kira-kira sepertiga asset Islamik di sana. Di samping itu juga, sehingga tahun 2013 sahaja, Singapura telah menerbitkan lebih kurang 30 sukuk menurut MAS.

Hong Kong juga adalah antara bandar yang aktif dalam mengembangkan khidmat kewangan Islam pada masa kini. Bukan menjadi rahsia lagi bahawa mereka menyasarkan untuk menjadi salah sebuah hub kewangan Islam di rantau ini terutamanya dalam industry pasaran modal. Banyak inisiatif telah dibuat dalam mencapai usaha ini, hingga pada tahun 2014 lepas, Hong Kong telah menjual sukuk berdaulatnya pertama (sovereign sukuk) yang bernilai USD 1 billion yang telah menarik 4.7 kali ganda permintaan daripada jumlah yang ditawarkan. Hong Kong juga menunjukkan keseriusan mereka untuk merealisasikan cita-cita mereka selaku hub kewangan Islam dengan menggubal satu undang-undang khusus berkenaan rangka percukaian berbanding dengan penerbitan bon konvensional.

Jepun juga kini sedang serius memajukan khidmat kewangan Islam mereka. Terdapat beberapa usaha dan inisiatif yang dilakukan oleh negara ini untuk meransang kemajuan sektor ini antaranya, pada tahun 2008, mereka menggubal undang-undang untuk membenarkan subsidiary bank mereka untuk mengembangkan skop perniagaan yang lebih luas iaitu melibatkan dalam kewangan Islam. Mereka juga telah menghasilkan beberapa indeks Islamik khusus untuk memenuhi kehendak pelabur yang ingin melabur dalam instrument yang patuh Syariah. Antara indeks berikut adalah seperti Indeks S&P Japan 500 Shariah, Indeks S&P/TOPIX 150 dan FTSE Shariah Japan 100 Index.